

## Bengkel Early Childhood Music Level 1 Dapat Penyertaan Dari Luar Negara

Terakhir dikemaskini: Isnin, 10 Julai 2017 17:33 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 429

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**ISNIN, 10  
JULAI** –  
Unit  
Penyelidikan  
Warisan  
Borneo  
(UPWB) dan  
Program Seni  
Muzik dari  
Fakulti

Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) telah menjalin kerjasama dalam penganjuran Bengkel *Early Childhood Music Level 1* bermula hari ini sehingga 14 Julai.

Bengkel ini disertai oleh 27 orang peserta termasuk 2 orang peserta luar negara, iaitu dari Guangding, China, dan Macau.

Bengkel tersebut diadakan bertujuan untuk membantu tenaga pengajar menyediakan strategi pengajaran menerusi muzik khususnya kepada kanak-kanak yang berusia dalam lingkungan 3 hingga 6 tahun, serta kanak-kanak yang mengalami penyakit Autisme dan menghadapi kecelaruan hiperaktif kurang daya tumpuan (ADHD).

Bengkel kendalian profesor dalam bidang muzik dari University of Hawai'i, Amerika Syarikat, Prof. Dr. Loong Chet Yeng antara lain memberi pendedahan kepada peserta tentang penyediaan bahan-bahan bersesuaian bagi merangsang perkembangan minda kanak-kanak, dengan memfokuskan pengajaran terhadap kanak-kanak penghidap Autisme.

Dalam pada itu, guru piano, Maple Foo ketika ditemui media pada bengkel tersebut berkata, beliau berasa teruja dapat menyertai bengkel tersebut.

“Saya percaya input dari bengkel ini dapat membantu saya untuk mengajar pelajar saya dengan lebih efektif,” katanya.

Bengkel yang dipengerusikan Ketua UPWB, Prof. Madya Dr. Low Kok On itu dirasmikan oleh Dekan FKSW, Prof. Dr. Ismail Ibrahim.